



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 FEBRUARI 2026

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	EMPAT DITAHAN PUNGGAH 160 GUNI ANAK KERANG TANPA LESEN, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	TREASURE RAMADAN FAMA JELAJAH SELURUH NEGARA, SINAR HARIAN, M/S – 15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PSYCHOLOGY GRADUATE BUILDS LUCRATIVE TURKEY FARMING VENTURE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	LAIN – LAIN
4.	PENCEMARAN KIMIA, LOGAM BERAT 'RACUN SENYAP' PANTAI, KESIHATAN, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 16	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Empat ditahan punggah 160 guni anak kerang tanpa lesen

SABAK BERNAM – Kegiatan memungkah 160 guni anak kerang tanpa lesen di sebuah jeti di Bagan Sungai Pulai, di sini terbongkar selepas diserbu pihak berkuasa kelmarin.

Operasi hasil rondaan dan pemantauan Jabatan Perikanan Selangor itu dijalankan kira-kira pukul 5.40 petang selepas anggota mengesan sebuah lori tiga tan dalam keadaan mencurigakan di lokasi terbabit.

Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, pemeriksaan mendapati lori tersebut sedang diisi dengan anak kerang yang dipercayai

diambil dari tapak semula jadi atau tapak kultur tanpa kebenaran.

"Pemeriksaan lanjut mendapati aktiviti itu dilakukan tanpa sebarang dokumen lesen atau kebenaran yang sah.

"Tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 20 hingga 60 tahun turut ditahan bagi membantu siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, selain lori berkenaan, pihaknya turut menyita tujuh unit tangkuk bergalah halus, 160 guni anak kerang serta satu dokumen berkaitan urusan niaga.

Nilai keseluruhan sitaan dianggarkan berjumlah RM107,500. Jelasnya, kes disiasat di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002.

"Semua barang rampasan telah dibawa ke lokasi tahanan jabatan untuk tindakan lanjut.

"Tindakan tegas akan terus diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan undang-undang perikanan.

"Ini khususnya melibatkan sumber bernilai tinggi seperti kerang yang menjadi antara sumber ekonomi penting komuniti nelayan tempatan," katanya.



SEBANYAK 160 guni anak kerang yang dikaut tanpa lesen dirampas di jeti sekitar Bagan Sungai Pulai, Sabak Bernam.

Treasure Ramadan FAMA jelajah seluruh negara

Pendekatan lebih menyeluruh, menyantuni golongan asnaf dan komuniti setempat

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

KUALA LUMPUR - Program Treasure Ramadan 1447H/2026M anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diteruskan lagi tahun ini dengan pendekatan lebih menyeluruh apabila menjelajah 14 negeri bagi menyantuni golongan asnaf dan komuniti setempat sepanjang Ramadan.

Pengerusinya, Aminuddin Zukpli berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) tahunan itu bermula 23 Februari hingga 13 Mac 2026, dimulakan di Perak sebelum bergerak ke negeri lain secara berperingkat sehingga ke Sabah dan Sarawak, sebelum penutupnya kembali di Selangor.

Beliau berkata, pelaksanaan kali ini mengangkat tema "Menyebarkan Kasih, Melebar Rezeki" yang menekankan semangat perkongsian dan kebersamaan antara warga FAMA, usahawan serta komuniti.

"Kita ada buat kutipan sumbangan dan melihat penyertaan kakitangan FAMA yang sangat baik. Selain daripada kakitangan, usahawan juga turut serta. Selaras dengan tema program ini," katanya ketika ditemui pada program berkenaan di ibu pejabat FAMA di sini, yang turut dihadiri Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.

Menurut Aminuddin, jelajah dilaksanakan secara berturutan bagi memastikan semangat kerjasama dan konsep sharing dan caring dapat diteruskan secara konsisten sepanjang Ramadan ini.

Selepas Selangor, program ini akan bergerak ke Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis sebelum ke negeri-



negeri yang lain.

"Kita mengharapkan program ini dapat berlangsung secara berterusan. Jadi ia dibuat secara berturutan supaya semangat bekerjasama itu dapat dirasai di setiap negeri yang terlibat," katanya.



AMINUDDIN

Beliau berkata, kejayaan program tersebut didorong oleh komitmen menyeluruh warga FAMA di peringkat negeri dan daerah, selain sokongan padu usahawan bimbingan agensi.

"Komitmen mereka amat penting dalam memastikan setiap lokasi program berjalan lancar," katanya.

Mengulas pendekatan yang diambil, Aminuddin berkata program ini memberi keutamaan kepada konsep ziarah kasih dengan mengunjungi sendiri rumah penerima.

"Kita tidak membawa mereka ke tempat kita, sebaliknya kita menziarahi mereka untuk melihat sendiri keadaan sebenar. Kita menziarah, kita empati dan kita menyampaikan sumbangan hasil sumbangan FAMA dan usahawan," katanya.

Menurut beliau, pendekatan itu memberi makna lebih mendalam kerana pihaknya dapat memahami secara langsung cabaran kehidupan yang dihadapi penerima.

Sepanjang tempoh pelaksanaan, seramai 70 asnaf disantuni, membabitkan lima penerima bagi setiap negeri dengan kerjasama agensi berkaitan bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan benar-benar layak.

Sumbangan yang diberikan



Aminuddin (enam dari kiri) bersama Abdul Rashid (lima dari kiri) melancarkan Treasure Ramadan FAMA 1447H/2026 yang diadakan pada Isnin.



Pengurusan dan kakitangan FAMA terlibat dalam program itu bergambar bersama selepas pelancaran Treasure Ramadan FAMA 1447H/2026 yang diadakan di ibu pejabat FAMA.

merangkumi kit makanan keperluan asas, kit Hari Raya, buah-buahan serta duit raya bagi membantu meringankan beban penerima dalam membuat persiapan Ramadan dan Syawal.

Selain penyampaian sumbangan, program itu turut diisi dengan bacaan tahlil dan doa, berbuka puasa serta solat Maghrib berjemaah bersama komuniti setempat, khususnya golongan asnaf.

Aminuddin berkata, inisiatif berkenaan bukan sahaja memberi manfaat dari sudut kebajikan, malah turut menyokong sektor agromakanan negara.

Katanya, pelbagai aktiviti sampingan seperti Jualan Agro MADANI, kempen makan buah-buahan tempatan, edaran bubur lambuk serta lawatan ke bazar Ramadan dilaksanakan bagi membantu meningkatkan jualan usahawan dan petani tempatan sepanjang musim perayaan.

"Penglibatan usahawan dalam program ini bukan sahaja dalam bentuk sumbangan makanan proses dan segar tetapi juga sebagai sebahagian daripada ekosistem yang sama-sama

menyumbang kepada masyarakat.

"Secara tidak langsung, ia membuka peluang promosi produk, meningkatkan jualan Ramadan serta memperluas jaringan pasaran mereka," katanya.

Beliau menegaskan, FAMA bertindak sebagai penyelaras utama dari aspek perancangan, pengumpulan dana, logistik, pemilihan penerima serta pelaksanaan program di lapangan.

Kerjasama erat antara FAMA Ibu Pejabat, FAMA Negeri dan anak syarikat memastikan penyampaian bantuan dilaksanakan secara tersusun, telus dan berimpak tinggi.

Aminuddin berharap Treasure Ramadan FAMA akan terus menjadi platform berterusan dalam menyemai nilai kasih sayang, empati dan kebersamaan dalam kalangan warga agensi serta komuniti.

"Kita mahu memastikan manfaat pembangunan sektor agromakanan bukan sahaja dirasai dari sudut ekonomi, tetapi juga diterjemahkan dalam bentuk kebajikan sosial kepada masyarakat secara menyeluruh," katanya.



Aminuddin melancarkan Treasure Ramadan FAMA 1447H/2026 di ibu pejabat FAMA.



Aminuddin (kiri) melepaskan konvoi Treasure Ramadan FAMA 1447H/2026.

Psychology graduate builds lucrative turkey farming venture

PADANG RENGAS: Believing that agriculture could provide a stable source of income while strengthening the nation's food security, Mohamad Zainul Hilmi Mohamad Wajdi decided to walk away from a comfortable career to pursue turkey farming.

A Bachelor of Psychology graduate from the Upper Iowa University in the United States, he took a bold step in 2018 by venturing into an entirely different line of work.

He added that although turkey farming is still considered a niche sector in Malaysia, its growth potential is vast, driven by a strong market demand that could surge to about 6,000 birds during festive periods, particularly Christmas.

"The demand for turkey is particularly high in the northern region. I started with 80 birds and have since expanded to 2,000," he said when met at his Santing Agri Farm recently.

The farm is located on 2.02ha of land owned by his family.

He has also added to his success story by developing his own breed,



Mohamad Zainul inspecting a gaggle of turkeys at his farm. —BERNAMAPIC

known as the Kellas turkey, which is a mix of Nicholas, Black Spanish, Kelly and local Bronze breeds.

The hybrid is highly resilient to Malaysia's tropical climate, has a shorter harvesting period and produces quality meat suited for the premium market.

Born and raised in Kuala Lumpur, Mohamad Zainul also manages his own breeding programme, hatching eggs on-site. A single turkey can

produce up to 70 eggs per year before its productivity gradually declines.

"Turkey meat is firmer than chicken, lower in fat and rich in protein. It usually takes four to five months before the birds are ready to be sold, with their weight ranging between three and six kilogrammes. Hotels usually prefer heavier birds."

In terms of pricing, live turkeys are sold at RM25 to RM35 per kg,

while processed birds fetch between RM55 and RM75 per kg.

He said his company now generates an average monthly income of between RM15,000 and RM20,000, translating to an annual revenue of RM300,000 to RM400,000.

Santing Agri Farm's processed turkey products have also penetrated major supermarkets such as Jaya Grocer and Giant.

The products are also distributed to a network of regular wholesalers in the Klang Valley and northern states.

Mohamad Zainul admitted that during the initial period after establishing his turkey farm, his limited knowledge led to losses amounting to tens of thousands of ringgit when hundreds of his birds died due to improper farming techniques.

"For the first 12 weeks after hatching, turkeys require close attention and careful management," he said, adding that his farm began to recover after receiving advisory support and technical guidance from the Department of Veterinary Services.

He also received assistance through the Young Agropreneur Grant and Federal Agricultural Marketing Authority, particularly in marketing.

Later, he received a RM35,000 financing facility from Agrobank to help expand his operations.

Meanwhile, Agrobank president and group CEO Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin said as of January this year, a total of 4,586 farmers and breeders in Perak have received financing assistance from the bank.

"The financing is channelled through various schemes and funds offered based on applicants' needs and programme availability for the year. These include the Micro Entrepreneur Fund, Agrofood (Generation & Restoration), Oil Palm Smallholder Replanting Scheme, Paddy-i Programme and Agrofood Input Production.

"The (financing) assistance is granted to farmers and breeders based on eligibility and the suitability of the schemes provided at the time the application is submitted." —Bernama

AHMAD
ISMAIL

PANTAI dan sungai di negara ini sering digambarkan sebagai syurga tropika yang bersih, hijau dengan pokok-pokok kelapa, ru mahupun bakau. Namun di sebalik panorama indah ini, tersembunyi sebuah ancaman senyap yang semakin meruncing iaitu pencemaran kimia yang meracuni ekosistem dan menggugat kesihatan rakyat.

Keindahan semula jadi itu sebenarnya sedang berdepan bom jangka ekologi yang menunggu masa untuk meletup.

Sejak dekad 1980-an, saintis tempatan memberi amaran tentang bahaya logam berat seperti raksa, kadmium, plumbum, kuprum dan zink.

Kajian di Sungai Perai, Sungai Juru, perairan Kuala Gula, pantai Selangor, pantai Negeri Sembilan, Sungai Sepang, Sungai Lukut dan Selat Johor membuktikan sedimen sungai serta pantai menerima efluen industri, pertanian dan pembangunan pesisir.

Hasil kajian ini diterbitkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa, menjadi bukti kukuh Malaysia tidak kebal daripada ancaman pencemaran kimia.

Sejarah penternakan babi di kawasan Juru Seberang Perai, Bukit Pelanduk di Negeri Sembilan, dan Sepang di Selangor pernah mengemparkan negara. Sisa buangan kandang termasuk najis dan air basuhan, dilaporkan meningkatkan paras kuprum (Cu) dan zink (Zn) dalam sedimen sungai.

Logam berat ini, dicampur dalam makanan haiwan sebagai mikro-mineral penting untuk menyokong fungsi fisiologi, keimunan, pertumbuhan optimum dan kesihatan haiwan umumnya. Bahan buangan yang mengandungi kepekatan logam berat yang tinggi akhirnya mengalir ke sungai dan merosakkan ekosistem.

Haiwan bentik dan ikan menjadi mangsa dan kesannya menjalar ke laut, menjejaskan sumber makanan rakyat.

Walaupun kajian tentang pencemaran logam berat berkurangan berbanding era 1980-an dan 1990-an, namun ancaman baharu terus muncul seiring pertumbuhan industri moden, perkapalan, perladangan kelapa sawit dan sektor akuakultur.

Organisma bentik iaitu hidupan kecil di dasar sungai dan pantai adalah penapis semula jadi ekosistem. Haiwan



ISU pencemaran pantai dari sungai disebabkan pencemaran kimia dan logam berat bukan sekadar isu alam sekitar tetapi keselamatan makanan, ekonomi nelayan dan kesejahteraan rakyat. - UTUSAN/SHAHJAHAN MAAMIN

Pencemaran kimia, logam berat 'racun senyap' pantai, kesihatan

ini berada di kedudukan penting dalam rantai makanan, menjadi makanan utama burung migrasi di laluan Asia Timur-Australasia.

Dalam sektor pertanian, glyphosate digunakan secara meluas di ladang kelapa sawit. Racun rumpai sistemik ini murah dan berkesan tetapi pengumpulan dalam rantai makanan boleh menggugat ekosistem pantai. Burung pemangsa dan ikan endemik terdedah kepada kesan jangka panjang yang masih belum difahami sepenuhnya.

Sektor akuakultur pula menambah risiko baharu. Kolam udang dan sangkar ikan menggunakan bahan kimia, vaksin dan antibiotik untuk kawalan penyakit. Jika tidak dipantau, bahan kimia ini boleh meresap ke ekosistem bentik dan akhirnya menjejaskan kesihatan manusia melalui bioakumulasi dalam makanan laut.

Kerang, misalnya, menjadi indikator penting kerana dimakan secara meluas oleh manusia.

Aktiviti perkapalan turut menyumbang kepada pencemaran organotin, khususnya tributyltin (TBT) dalam cat antiteritip. Kajian menunjukkan TBT menyebabkan fenomena *imposex* dalam moluska apabila betina membentuk ciri jantan akibat gangguan sistem endokrin.

Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan populasi moluska tetapi memberi amaran sistem endokrin dan imuniti manusia juga boleh terganggu.

Dunia pernah digemparkan dengan tragedi Minamata di Jepun akibat keracunan raksa, dan penyakit itai-itai akibat pencemaran kadmium. Malaysia tidak boleh menunggu sehingga tragedi besar berlaku sebelum bertindak.

Malaysia sebenarnya sudah menetapkan paras bahan kimia tertentu dalam undang-undang alam sekitar. Namun cabaran utama ialah pelaksanaan dan pemantauan berterusan.

Jabatan kerajaan berkaitan

seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Alam Sekitar, Pertanian, Perikanan, Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mesti duduk semeja dan membentuk jawatankuasa khas.

Budaya bekerja dalam kepompong tidak lagi relevan kerana pencemaran kimia memberi kesan rentas sektor melibatkan ekosistem, kesihatan manusia, ekonomi nelayan dan imej negara.

PERANAN UNIVERSITI

Generasi awal saintis meletakkan asas kajian logam berat sejak 1980-an. Namun apabila tokoh-tokoh ini bersara, kesinambungan penyelidikan bergantung kepada pelapis baharu.

Universiti mesti diberi dana mencukupi bukan sahaja untuk pemantauan jangka panjang tetapi juga untuk melatih penyelidik muda dalam bidang ekotoksikologi, genetik dan kepelbagaian biologi.

Tanpa saintis pelapis,

Malaysia akan kehilangan kepakaran kritikal dalam menangani isu pencemaran kimia.

Pencinta alam semula jadi sering menjadi pihak pertama yang peka terhadap isu pencemaran bahan kimia dan kesannya kepada kepelbagaian biologi.

Malaysia adalah antara negara yang kaya dengan kepelbagaian biologi dunia. Orang politik dan pembuat dasar biasanya lebih sensitif apabila pencemaran dikaitkan dengan kesihatan manusia dan ekonomi.

Justeru, naratif pencemaran kimia perlu digerakkan dengan menekankan kaitannya dengan keselamatan makanan, penyakit kronik dan kesejahteraan rakyat. Hanya dengan cara itu isu ini akan mendapat perhatian serius di peringkat nasional.

Pencemaran bahan kimia di pantai dan sungai Malaysia adalah bom jangka ekologi yang tidak boleh diabaikan.

Walaupun penekanan terhadap pencemaran logam berat berkurangan berbanding tiga dekad lalu, ancaman baharu daripada industri, pertanian, perkapalan, akuakultur serta sisa elektronik dan elektrik menuntut perhatian berterusan.

Malaysia mesti melabur dalam pemantauan secara saintifik, melatih generasi penyelidik baharu dan membentuk jawatankuasa khas antara jabatan.

Jika tidak, kita berisiko mengulangi tragedi global seperti Minamata dan Itai-itai di tanah air sendiri.

DR. Ahmad Ismail ialah Felo Akademik Sains Malaysia (ASM).